

05/02/2003

Usah biar saranan jadi gema dalam gua

Mohd Azlan Jaafar

PADA zaman kanak-kanak dulu, kita kagum mendengar bunyi gema (echo) dalam

gua. Malah, menjadi kemestian untuk menjerit dalam gua dengan harapan mendengar suara sendiri berulang-ulang. Tidak kurang yang membuat andaian

wujud hantu atau polong yang menyebabkan bunyi berulang-ulang.

Hanya sebilangan kecil berusaha mendalami bahawa suara yang dihasilkan menyebabkan pergerakan molekul udara yang apabila mengenai dinding padat, menyebabkan suara sama berbalik. Ini sekali gus menghasilkan gema berulang. Jelas sains adalah bidang yang menakjubkan untuk mereka yang mahu mendalaminya.

Hari ini, kita sering mendengar "echo" yang sama tetapi tidak banyak yang `mendalaminya'.

Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Daya Saing Negara di Kementerian Dalam Negeri menyarankan semua pihak, terutama pada

peringkat negeri berusaha membantu kerajaan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dan dapat menarik pelaburan langsung asing (FDI).

Ini kerana perangkaan menunjukkan penurunan FDI ke negara ini berikutan

tarikan buruh murah dan kemudahan lain yang ditawarkan Vietnam dan China.

Antara saranan Abdullah ialah mempercepatkan pengeluaran lesen, permit, serta kelulusan penukaran, pembelian serta status tanah yang didakwa pelabur mengambil masa panjang.

Pelabur juga mendakwa kerenah birokrasi, pengambilan masa hingga bertahun dan ketidakcekapan pada peringkat negeri, terutama di daerah dan

pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam penukaran status tanah serta pengeluaran lesen menjejaskan minat mereka melabur di sini.

Abdullah berkata, perlunya usaha menyelaras dan meningkatkan kecekapan sistem kelulusan kerajaan dan agensi berkaitan, termasuk kelulusan automatik bagi projek membabitkan industri pembuatan.

Katanya, langkah memperkenalkan prosedur pantas bagi kelulusan, pertukaran dan pemecahan tanah akan membabitkan kerajaan negeri, pejabat tanah daerah dan PBT.

"Pihak terbabit di negeri harus faham semua usaha ini bagi meningkatkan

daya saing kita. Keseluruhan persekitaran di Malaysia mesti kondusif untuk

perdagangan, perniagaan dan perkembangan ekonomi kita.

"Penyelarasan prosedur di semua negeri, PBT dan jabatan teknikal terutama dalam pengeluaran lesen dan permit kepada syarikat, termasuk sijil layak menduduki (CF) harus dilakukan dengan segera.

"Tiada guna kelulusan penukaran status tanah diberikan dengan cepat,

tetapi CF lambat walaupun kilang sudah dibina," katanya.

Saranan mempercepatkan pelbagai proses ini bukan baru. Kerajaan sejak dulu lagi menekankan kepentingan semua peringkat di negeri menerima konsep Malaysia Inc.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri sering membangkitkan perkara ini. Malah, jika diambil semua keratan akhbar yang membabitkan saranan seperti ini, ia cukup tebal untuk menghasilkan scrap book bertajuk - Apa yang patut negeri buat.

Masalah ini berikutan kuasa berhubung tanah, sumber dan hutan adalah hak kerajaan negeri, majlis daerah dan PBT. Sesuatu yang sukar dikawal Kerajaan Pusat walaupun sebanyak mana saranan dibuat.

Mereka yang pernah berurusan dengan pejabat terbabit pasti ada `kisah' untuk diceritakan terutama membabitkan penukaran status tanah, pengeluaran lesen serta kelulusan struktur.

Bagaimana, seseorang harus berjumpa pelbagai kakitangan untuk mendapat kelulusan mudah. Bagaimana seorang budak pejabat yang bertanggungjawab menghantar fail berasa `sepenting' dan mempunyai kuasa seperti Pegawai Daerah yang meluluskan pelan, projek atau penukaran tanah. Tidak kurang dakwaan rasuah bagi mempercepat-kan kelulusan.

Mungkin kerana `kuasa yang dirasakan mereka ada' berikutan orang ramai perlu merayu, membodek atau merafak sembah menjadikan pegawai terbabit termasuk budak pejabat seperti raja di kawasan mereka.

Untuk sesetengah pihak, kuasa yang ada itu dirasakan sungguh besar walaupun tugas sebenarnya hanya meneliti pelan pembangunan atau menghantar pelan untuk kelulusan.

Ada yang berkata kuasa mutlak menyebabkan kerosakan (absolute power corrupts). Tiada salahnya pada kuasa yang diberikan. Jika kepentingan nasional diutamakan, sebanyak mana pun kuasa tidak akan merosakkan seseorang.

Suara dari Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya sekali lagi dihantar supaya semua di negeri melaksanakan apa yang perlu untuk memastikan Malaysia terus dapat berdaya saing.

Diharap saranan kali ini tidak menjadi "echo" yang terus menghentam dinding gua. Bukankah sesuatu yang menarik untuk memasuki gua dan menjerit sesuatu tanpa mendengar gema suara kita.